

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, July 1, 2019 3:58 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bantu Universiti Bangunkan Negeri Kedah Dengan Kepakaran Dimiliki



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

1 JULAI 2019 / 27 SYAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

BANTU UNIVERSITI BANGUNKAN NEGERI KEDAH DENGAN KEPAKARAN DIMILIKI



UUM ONLINE: Dalam lawatan muhibah ke Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani menekankan supaya semua pusat pengajian dapat memberikan tumpuan untuk membantu universiti membangunkan negeri Kedah.

Beliau berkata, UUM perlu membantu kerajaan Negeri Kedah dalam usaha membangunkan negeri ini supaya lebih maju dan berdaya saing dengan memindahkan segala kepakaran yang dimiliki UUM kepada masyarakat.

"UUM mempunyai banyak sumber manusia tetapi masih kekurangan modal insan. Kita tidak mempunyai banyak bakat yang boleh dicungkil walaupun terdapat ramai staf di sini.

"Saya mahu kepakaran yang kita ada dan perolehi ini disalurkan kepada masyarakat setempat dan saya mahu STML dapat menfokuskan program bersama komuniti di Kulim kerana pusat pengajian ini telah diberikan daerah tersebut sempena 1 Fakulti 1 Daerah dengan tujuan

mendekati masyarakat tempatan kerana tanpa masyarakat, tiada universiti," katanya di Bilik Mesyuarat STML, semalam.

Selain itu, beliau juga meminta STML untuk mempercepatkan proses program ijazah berganda dengan University of Hull, United Kingdom sebagai satu sumbangan kepada kerajaan Malaysia.

Pada masa sama, Naib Canselor menyatakan hasrat universiti untuk membantu mana-mana pensyarah atau ahli akademik yang ingin menjalinkan kolaborasi dengan negara Jepun dan China bagi membolehkan mereka mempelajari bidang teknologi canggih dari dua negara tersebut.

"Pensyarah ini diberikan pilihan sama ada ingin melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) di universiti Jepun atau China kerana dua negara ini diketahui mempunyai kehebatan dalam teknologi terkini.

"Pihak universiti sedia membantu agar bukan sahaja golongan ahli akademik mendapat manfaat, malah universiti dan juga negara turut menerima hasil daripada kerjasama dengan negara itu," katanya yang turut merakamkan penghargaan kepada STML kerana banyak membantu universiti membekalkan tenaga kerja kepada jabatan-jabatan lain, selain pencapaian STML sentiasa berada di kedudukan Top 3 mengikut pencapaian KPI.

Sementara itu, di Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC), Prof. Dr. Ahmad Bashawir menyarankan supaya CIAC mempunyai strategi pemasaran dan memainkan peranan lebih efektif bagi menarik lebih banyak kerjasama membabitkan UUM di peringkat antarabangsa khususnya di negara China, Indonesia dan Pakistan.

Selain itu, beliau juga mahu CIAC bekerja dengan lebih cekap dan menerapkan budaya kerja yang baharu, selain mempunyai proses pengurusan yang lebih teratur terutama melibatkan visa pelajar antarabangsa bagi mengurangkan masalah visa yang sering berlaku.

Di samping itu, CIAC juga perlu ada KPI sendiri meliputi aspek Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) di peringkat antarabangsa, promosi serta kemasukan pelajar antarabangsa ke UUM.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM

accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.